

Pas musnahkan kebaikan: PM

KUALA TERENGGANU, Khamis — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menyifatkan perjuangan antara Barisan Nasional dan Pas sekarang sebagai perjuangan kebaikan menentang keburukan.

Beliau berkata Pas sentiasa memusnahkan segala apa yang dicapai oleh kerajaan sejak merdeka hingga pemimpin Barisan Nasional terpaksa memerah otak memikirkan cara untuk terus memberi kebaikan kepada rakyat.

Beliau kesal kerana Pas tidak pernah membuat sebarang projek kebaikan, sebaliknya terus menyeru ke arah pecahan hingga sanggup mengkafirkan sebahagian orang Islam, termasuk kakitangan kerajaan.

"Semua yang mereka buat ditumpukan kepada keburukan, sedangkan kerajaan sentiasa menyeru kepada kebaikan, menyeru supaya umat Islam berbaik-baik walaupun dengan orang yang menjadi musuh politik," katanya.

Kerajaan, tambahnya, tidak mengasingkan diri daripada mereka, sebaliknya ingin bergaul, mendengar dan membetulkan hujah mereka.

"Kita tidak mahu berpecah-belah sesama orang Islam kerana ia bertentangan dengan ajaran Islam. Ini yang kita buat sedangkan parti lawan tidak pernah melakukan sesuatu yang membina," katanya.

Perdana Menteri menegaskan demikian di hadapan kira-kira 20,000 orang sebelum meletakkan batu asas projek rumah kos rendah dan sederhana di Wakaf Tembesu dekat sini petang ini.

Beliau berkata, matlamat kerajaan membuat pelbagai projek adalah supaya rakyat dapat berjumpa satu sama lain, supaya mereka tidak terasing dan terpencil.

Secara tidak langsung dapatlah dikatakan bahawa perjuangan yang kita buat sekarang ialah perjuangan kebaikan menentang kejahatan, katanya.

Beliau berkata parti kerajaan ingin mencari kebaikan dan berseru kepada kebaikan, sedangkan parti lawan tidak begitu.

"Sepatutnya orang Islam melawan keburukan, kejahatan dan mungkar, tetapi kita dapati parti lawan ini menyeru kepada keburukan," tegasnya.

Beliau yakin, rakyat tidak syak lagi akan memilih kebaikan dan bukan keburukan kerana manusia inginkan kebaikan.

Beliau bersyukur kerana sebahagian besar rakyat Terengganu memilih kebaikan dan menolak kejahatan serta menyokong kerajaan Barisan Nasional yang memerintah sekarang.

Tabur fitnah

Perdana Menteri berkata kerajaan akan terus memperjuangkan kebaikan dan menjelaskan kepada rakyat apa yang baik dan buruk serta menunaikan janji-janji kerajaan kepada rakyat terutama yang berpendapatan rendah.

Datuk Seri Dr Mahathir juga kesal kerana parti pembangkang sering menaburkan fitnah untuk mengaburi fikiran rakyat.

"Yang lebih mendukacitakan, mereka membentuk satu pasukan khas iaitu Pasukan Memfitnah dengan mengeluarkan pelbagai cerita yang tidak betul untuk kepentingan politik mereka," katanya.

Parti-parti lawan, kata beliau, harus bersyukur kerana sebagai negara demokrasi, amalan mewujudkan parti politik dibenarkan.

Katanya, setiap parti politik bebas menarik sokongan tapi mesti berdasarkan tatasusila yang baik dan berkempen mengikut undang-undang.

Datuk Seri Dr Mahathir kesal kerana ada parti politik yang tidak mengikut tatasusila hingga menggunakan agama untuk kepentingan politik mereka.

Katanya, cara Barisan Nasional berlainan sedikit kerana kerajaan yang memerintah sekarang akan terus membekalkan pelbagai kemudahan untuk rakyat supaya mereka hidup selesa dan bahagia.